



LAPORAN PERANGKAAN SUKU TAHUNAN

SUKU TAHUN KETIGA
(JULAI - SEPTEMBER)

2012



JABATAN PERUMAHAN NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	i
1. Pelesenan Dan Penguatkuasaan	
A. Pelesenan Perumahan Swasta	1
B. Penguatkuasaan	4
2. Pengurusan Projek Perumahan Bermasalah	
A. Pemantauan Projek Perumahan Swasta.....	7
B. Pengurusan Projek Perumahan Terbengkalai.....	10
3. Bahagian Skim Pinjaman Perumahan (SPP) 12	
4. Program Perumahan Rakyat..... 16	
5. Pengurusan Setinggan..... 19	
6. Pengurusan Bangunan Dan Harta Bersama 20	
7. Pengurusan Aduan Oleh JPN 21	

PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN

A. PELESENAN PERUMAHAN SWASTA

I. PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN

PRESTASI KESELURUHAN

Pada suku ketiga 2012, sejumlah 450 lesen pemajuan perumahan telah dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) kepada pemaju-pemaju perumahan. Ia merangkumi lesen baharu sebanyak 352 lesen (78.22%) dan pembaharuan lesen sebanyak 98 lesen (21.78%).

Pengeluaran lesen pemajuan perumahan pada suku ketiga 2012 telah meningkat sebanyak 26.40% atau 94 lesen berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya (perbandingan antara suku ketiga 2011 dengan suku ketiga 2012 [YoY]). Peningkatan ini dicatatkan bagi kedua-dua pengeluaran lesen iaitu lesen baharu sebanyak 63 lesen (21.80%) dan pembaharuan lesen mencatatkan peningkatan sebanyak 31 lesen (46.26%).

JADUAL 1 :

PRESTASI PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN PADA SUKU KETIGA 2012

PENGELUARAN	BILANGAN		% PERUBAHAN
	Q3 2011	Q3 2012	TAHUNAN (YoY)
LESEN	356	450	26.40
BAHARU	289	352	21.26
PEMBAHARUAN	67	98	46.26

II. PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN

PRESTASI KESELURUHAN

Pada suku ketiga 2012, sejumlah 747 permit iklan dan jualan pemaju perumahan telah dikeluarkan oleh JPN yang merangkumi permit iklan dan jualan baharu sebanyak 353 permit (47.26%) dan pembaharuan permit iklan dan jualan sebanyak 394 permit (52.74%).

Pengeluaran permit iklan dan jualan pada suku ketiga 2012 telah meningkat sebanyak 28.00% atau 163 permit berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini merangkumi kedua-dua permit iklan dan jualan baharu dan pembaharuan; di mana kelulusan permit iklan dan jualan baharu mencatatkan peningkatan sebanyak 23.42% (67 permit) dan pembaharuan permit iklan dan jualan sebanyak 32.21% (96 permit).

JADUAL 2 :

PRESTASI PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN PADA SUKU KETIGA 2012

PENGELUARAN	BILANGAN		% PERUBAHAN
	Q3 2011	Q3 2012	TAHUNAN (YoY)
PERMIT DAN IKLAN JUALAN	584	747	28.00
BAHARU	286	353	23.42
PEMBAHARUAN	298	394	32.21

III. UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN

PRESTASI KESELURUHAN

Pada suku ketiga 2012, sebanyak 46,429 unit rumah telah diluluskan untuk pembinaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,620 unit (3.50%) adalah rumah kos rendah, 4,092 unit (8.81%) adalah rumah kos sederhana dan 40,717 unit (87.80%) adalah rumah kos tinggi.

Bilangan unit rumah yang diluluskan telah meningkat sebanyak 3.20% (1,435 unit) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini berlaku dalam kategori rumah kos rendah yang meningkat sebanyak 29.91% (373 unit) dan rumah kos sederhana mencatatkan peningkatan sebanyak 97.60% (2,021 unit). Namun demikian, kategori rumah kos tinggi mencatatkan penurunan sebanyak 2.30% (959 unit).

JADUAL 3 :

PRESTASI UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN PEMBINAAN PADA SUKU KETIGA 2012

KATEGORI HARGA RUMAH	BILANGAN UNIT		% PERUBAHAN
	Q3 2011	Q3 2012	TAHUNAN (YoY)
SEMUA KATEGORI	44,994	46,429	3.20
KOS RENDAH	1,247	1,620	29.91
KOS SEDERHANA	2,071	4,092	97.60
KOS TINGGI	41,676	40,717	(2.30)

B. PENGUATKUASAAN**I. KOMPAUN****PRESTASI KESELURUHAN**

Bagi suku ketiga 2012, sebanyak 223 notis kompaun yang melibatkan 190 pemaju telah dikeluarkan oleh JPN bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

Jumlah kompaun pada suku ketiga 2012 mencatatkan peningkatan sebanyak 169 notis (312.96%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Bilangan pemaju yang dikenakan kompaun turut meningkat iaitu sebanyak 137 pemaju (258.49%) manakala jumlah kutipan menurun sebanyak RM 1,530,500 (71.26%). Ini disebabkan nilai kompaun yang dikenakan adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan suku tahun yang sama tahun 2011.

JADUAL 4 :**STATISTIK KOMPAUN PADA SUKU KETIGA 2012**


PERKARA	JUMLAH		% PERUBAHAN TAHUNAN (YoY)
	Q3 2011	Q3 2012	
NOTIS KOMPAUN	54	223	312.96
PEMAJU DIKOMPAUN	53	190	258.49
KUTIPAN KOMPAUN	RM 2,147,500	RM 617,000	(71.26)

JADUAL 5 :**STATISTIK KOMPAUN MENGIKUT JENIS KESALAHAN BAGI SUKU KETIGA 2012**

BULAN	KESALAHAN		BILANGAN PEMAJU DIKOMPAUN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
	AKTA	PERATURAN		
Julai	79	15	93	213,500.00
Ogos	0	0	0	302,000.00
September	118	11	97	83,500.00
JUMLAH	197	26	190	617,000.00

PRESTASI KOMPAUN MENGIKUT JENIS KESALAHAN

Kegagalan mengemukakan Laporan Kemajuan Projek [Seksyen 7 (f)] merupakan kesalahan tertinggi dikenakan kompaun iaitu sebanyak 118 notis (52.91%). Ini diikuti kegagalan mengemukakan Laporan Audit [Seksyen 7(e)] sebanyak 79 notis (35.43%) dan Kesalahan Iklan dan Penjualan [Peraturan 6 (1)] sebanyak 26 notis (11.66%).

GRAF 1 :**JENIS KESALAHAN YANG DIKENAKAN KOMPAUN PADA SUKU KETIGA 2012**

II. PENDAKWAAN**PRESTASI KESELURUHAN**

Bagi suku ketiga 2012, sebanyak 28 kes baharu yang melanggar peruntukan di bawah Akta 118 dan Peraturan-Peraturan berkaitan telah didaftarkan di mahkamah untuk didakwa. Sebanyak 183 kes telah diselesaikan dan baki 132 kes masih dalam proses di mahkamah.

JADUAL 6 :**STATISTIK PENDAKWAAN SEHINGGA SUKU KETIGA 2012**

JUMLAH KES DARIPADA TAHUN 2011	KES BAHARU	BIL. KES SELESAI	BAKI KES BELUM SELESAI
488	28	183	132

III. SENARAI HITAM

Sehingga suku ketiga 2012, sebanyak 1,271 orang pemaju serta 4,321 orang Ahli Lembaga Pengarah telah disenarai hitamkan.

PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN BERMASALAH

A. PEMANTAUAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA

I. PROJEK LANCAR

Sehingga suku ketiga 2012, terdapat 3,281 projek berjalan lancar di Semenanjung Malaysia melibatkan 412,709 unit rumah dan 211,520 pembeli.

Daripada jumlah tersebut, negeri Selangor mempunyai bilangan Projek Lancar yang paling tinggi iaitu sebanyak 26.36% ataupun 865 projek yang melibatkan 145,736 unit rumah dan 75,653 pembeli. Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 15.33% ataupun 503 projek yang melibatkan 54,562 unit rumah dan 24,414 orang pembeli.

JADUAL 7 :

STATISTIK PROJEK LANCAR MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2012

NEGERI	BILANGAN PROJEK	BILANGAN UNIT RUMAH	BILANGAN PEMBELI
SELANGOR	865	145,736	75,653
JOHOR	503	54,562	24,414
PERAK	496	71,560	43,986
PULAU PINANG	290	22,364	10,112
PAHANG	283	17,679	7,062
KEDAH	242	24,076	7,901
W. P. KUALA LUMPUR	160	35,213	25,546
NEGERI SEMBILAN	155	16,283	4,728
KELANTAN	97	6,460	3,515
MELAKA	83	9,130	4,728
TERENGGANU	81	8,312	3,416
PERLIS	26	1,334	459
JUMLAH	3,281	412,709	211,520

II. PROJEK LEWAT

Sehingga suku ketiga 2012, bilangan Projek Lewat adalah sebanyak 41 projek yang melibatkan sebanyak 3,998 unit rumah dan 2,303 pembeli.

Bilangan Projek Lewat yang tertinggi dicatatkan di negeri Selangor iaitu sebanyak 16 projek (39.02%) dan diikuti oleh negeri Johor dan Pulau Pinang yang mencatatkan 8 projek (19.51%). Selain itu, tiada Projek Lewat dilaporkan di negeri Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Perlis dan Terengganu.

JADUAL 8 :

STATISTIK PROJEK LEWAT MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2012

NEGERI	BILANGAN PROJEK	BILANGAN UNIT RUMAH	BILANGAN PEMBELI
SELANGOR	16	1,362	810
JOHOR	8	380	176
PULAU PINANG	8	827	586
W. P. KUALA LUMPUR	4	766	629
PAHANG	3	155	73
MELAKA	1	476	1
PERAK	1	32	28
KEDAH	0	0	0
KELANTAN	0	0	0
NEGERI SEMBILAN	0	0	0
PERLIS	0	0	0
TERENGGANU	0	0	0
JUMLAH	41	3,998	2,303

III. PROJEK SAKIT

Sehingga suku ketiga 2012, bilangan Projek Sakit adalah sebanyak 220 projek yang melibatkan sebanyak 29,858 unit rumah dan 21,168 pembeli.

Bilangan Projek Sakit yang tertinggi dicatatkan di negeri Selangor iaitu sebanyak 86 projek (39.10%) dan diikuti oleh negeri Kelantan dengan 21 projek (9.54%) serta negeri Johor dengan 19 projek (8.63%).

JADUAL 9 :

STATISTIK PROJEK SAKIT MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2012

NEGERI	BILANGAN PROJEK	BILANGAN UNIT RUMAH	BILANGAN PEMBELI
SELANGOR	86	15,124	11,254
KELANTAN	21	1,506	1,125
JOHOR	19	2,369	1,794
KEDAH	17	2,363	1,406
PAHANG	17	1,287	736
TERENGGANU	15	1,415	1,172
NEGERI SEMBILAN	12	1,528	1,075
PERAK	9	993	537
W. P. KUALA LUMPUR	9	1,338	619
PULAU PINANG	8	1,357	1,119
MELAKA	6	502	295
PERLIS	1	76	36
JUMLAH	220	29,858	21,168

B.PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

I. STATUS PROJEK TERBENGKALAI

Sehingga 30 September 2012, terdapat 95 projek perumahan terbengkalai yang melibatkan 37,316 unit rumah dan 26,170 pembeli. Daripada 95 projek tersebut, sebanyak 29 projek (30.53%) telah dikeluarkan daripada senarai terbengkalai selepas berjaya dipulihkan atau diselesaikan. Di samping itu, sebanyak 57 projek (60.00%) sedang dalam proses pemulihan dan sebanyak 9 projek (9.47%) sedang di peringkat awal perancangan pemulihan.

Bagi perbandingan suku tahunan, jumlah projek perumahan terbengkalai telah bertambah 1 projek (95 projek). Namun demikian, terdapat 8 buah projek telah dikeluarkan dari senarai terbengkalai sepanjang suku ketiga 2012.

JADUAL 10:


RINGKASAN STATUS KESELURUHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

DI SEMENANJUNG MALAYSIA SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2012

BIL	STATUS	SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2012
1	Perancangan Awal	9 (9.47%)
2	Sedang Dipulihkan	57 (60.00%)
3	Siap Diduduki / Selesai	29 (30.53%)
JUMLAH		95

GRAF 2 :

STATUS PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI PADA SUKU KETIGA 2012



PROJEK TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI

Negeri Selangor mencatatkan bilangan projek perumahan terbengkalai paling tinggi iaitu sebanyak 32 projek (19,429 unit rumah dan 14,358 pembeli) dan diikuti oleh negeri Johor iaitu sebanyak 19 projek (6,502 unit rumah dan 4,215 pembeli). Selain itu, negeri yang tidak mencatatkan sebarang projek perumahan terbengkalai adalah negeri Terengganu dan Perlis.

JADUAL 11 :**STATISTIK PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2012**

NEGERI	BIL. PROJEK	BIL. UNIT RUMAH	BIL. PEMBELI
SELANGOR	32	19,429	14,358
JOHOR	19	6,502	4,215
NEGERI SEMBILAN	12	2,192	1,623
KEDAH	7	1,394	696
PULAU PINANG	6	2,895	2,136
PERAK	5	870	370
W.P. KUALA LUMPUR	4	1,442	914
PAHANG	4	1,351	880
KELANTAN	4	527	316
MELAKA	2	714	662
TERENGGANU	0	0	0
PERLIS	0	0	0
JUMLAH	95	37,316	26,170

BAHAGIAN SKIM PINJAMAN PERUMAHAN (SPP)

I. SKIM PINJAMAN PERUMAHAN

PERMOHONAN

Pada suku ketiga 2012, sebanyak 227 permohonan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) telah diterima dan sebanyak 85 permohonan pinjaman SPP telah diluluskan. Bagi perbandingan dengan suku tahun yang sama tahun sebelumnya, jumlah permohonan mencatatkan peningkatan sebanyak 216 permohonan (1,963.63%). Peningkatan permohonan ini disebabkan oleh had pinjaman Skim Pinjaman Perumahan telah dinaikkan kepada RM 45,000 berbanding pinjaman sebelum ini iaitu RM 25,000. Kelulusan pinjaman SPP telah mencatatkan peningkatan sebanyak 69 permohonan (575.00%) berbanding dengan suku ketiga 2011.

JADUAL 12 :

STATISTIK PERMOHONAN PADA SUKU KETIGA 2012

JENIS	BILANGAN		% PERUBAHAN
	Q3 2011	Q3 2012	TAHUNAN (YoY)
PERMOHONAN	11	227	1,963.63
KELULUSAN	12	81	575.00

JADUAL 13 :

STATISTIK PERMOHONAN SPP BAGI SUKU KETIGA 2012

BIL. PERMOHONAN	BIL. KELULUSAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)
227	81	4,996,856.98

KUTIPAN BAYARAN BALIK

Dari segi pengutipan bayaran balik pinjaman SPP, sejumlah RM 1,357,188.20 telah diterima daripada 2,534 peminjam pada suku ketiga 2012. Jumlah kutipan bayaran balik telah mencatatkan peningkatan sebanyak 48.61% berbanding dengan suku tahun yang sama pada tahun 2011.

JADUAL 14 :

KUTIPAN BAYARAN BALIK PINJAMAN (SPP) BAGI SUKU KETIGA 2012

BULAN	TAHUN 2011 (RM)	TAHUN 2012 (RM)
JULAI	441,757.64	593,819.90
OGOS	341,213.10	336,097.72
SEPTEMBER	130,272.73	427,270.58
JUMLAH	913,243.47	1,357,188.20

TUNGGAKAN BAYARAN

Jumlah tunggakan bayaran telah menurun sebanyak RM 1,145,076.55 (16.60%) daripada RM 6,895,529.71 kepada RM 5,750,453.16 berbanding suku tahun yang sama tahun 2011.


JADUAL 15 :

PERBANDINGAN TUNGGAKAN SPP BAGI SUKU KETIGA TAHUN 2011 DAN 2012

NEGERI	30 SEPTEMBER 2011 (RM)	30 SEPTEMBER 2012 (RM)
KELANTAN	2,704,389.86	2,114,958.90
KEDAH	2,147,967.93	1,909,585.30
PERAK	1,128,379.77	1,060,223.99
TERENGGANU	291,616.86	184,293.37
JOHOR	278,183.58	217,598.60
PAHANG	171,116.16	124,773.19
NEGERI SEMBILAN	67,817.19	50,423.51
SELANGOR	40,822.77	28,032.30
MELAKA	24,311.27	28,330.75
PERLIS	31,930.37	32,233.25
W.P. KUALA LUMPUR	8,993.95	0.00
PULAU PINANG	0.00	0.00
JUMLAH	6,895,529.71	5,750,453.16

JADUAL 16 :**TUNGGAKAN SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2012**

NEGERI	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	BILANGAN PEMINJAM
KELANTAN	2,114,958.90	727
KEDAH	1,909,585.30	575
PERAK	1,060,223.99	301
TERENGGANU	184,293.37	48
JOHOR	217,598.60	95
PAHANG	124,773.19	61
NEGERI SEMBILAN	50,423.51	16
PERLIS	32,233.25	13
MELAKA	28,330.75	11
SELANGOR	28,032.30	10
JUMLAH	5,750,453.16	1,857

GRAF 3:**TUNGGAKAN BAYARAN SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2012**

RUMAH YANG SIAP DIBINA

Pada suku ketiga 2012, sebanyak 20 unit rumah telah siap dibina oleh peminjam SPP. Sehingga 30 September 2012, bilangan unit rumah yang dibina oleh peminjam SPP adalah sebanyak 7,965 unit. Daripada jumlah tersebut, 6,466 unit (81.18%) rumah peminjam telah siap dibina manakala bakinya 1,499 unit(18.82%) masih dalam peringkat pembinaan.

JADUAL 17 :

STATUS PEMBINAAN RUMAH DIBAWAH SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2012

NEGERI	BILANGAN PEMOHONAN DILULUSKAN (KELULUSAN BERSIH)	UNIT SIAP DIBINA	UNIT DALAM PEMBINAAN
KELANTAN	3,362	2,432	930
KEDAH	1,650	1,473	177
PERAK	1,098	988	110
TERENGGANU	618	514	104
PAHANG	329	268	61
SELANGOR	322	289	33
JOHOR	315	253	62
PERLIS	96	89	7
MELAKA	79	67	12
NEGERI SEMBILAN	78	76	2
W.P.KUALA LUMPUR	13	12	1
PULAU PINANG	5	5	0
JUMLAH	7,965	6,466	1,499

PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT(PPR)

I. PRESTASI KESELURUHAN

Sehingga 30 September 2012, JPN telah melaksanakan 164 projek PPR (103,991 unit) yang meliputi 88 projek (75,807 unit) PPR Disewa dan 76 projek (28,184 unit) PPR Dimiliki.

Bagi PPR Disewa, sebanyak 65 projek yang mengandungi 63,441 unit telah siap dibina, manakala 23 projek (12,366 unit) sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan. Bagi PPR Dimiliki pula, sebanyak 23 projek (3,109 unit) telah pun siap dengan kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO), manakala 7 projek (3,663 unit) sedang dalam peringkat pembinaan dan 46 projek (21,412 unit) masih dalam perancangan.

JADUAL 18 :

STATUS PELAKSANAAN PPR KESELURUHAN SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2012

PROGRAM	JUMLAH PROJEK DALAM PERANCANGAN*		JUMLAH PROJEK DALAM PEMBINAAN		JUMLAH PROJEK SIAP		JUMLAH PROJEK	
	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit
PPR Disewa	0	0	23	12,366	65	63,441	88	75,807
i) PPR Disewa Bersepadu	0	0	2	1,500	51	51,848	53	53,348
ii) PPR Disewa Dasar Baru	0	0	21	10,866	14	11,593	35	22,459
PPR Dimiliki	46	21,412	7	3,663	23	3,109	76	28,184
JUMLAH	46	21,412	30	16,029	88	66,550	164	103,991

*NOTA : Termasuk 45 projek (15,000 unit)

II. STATUS PENGISIAN PPR DISEWA

Bagi PPR Disewa, sebanyak 57,344 unit telah siap dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk pengisian sehingga 30 September 2012. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 53,611 unit (93.50%) telah disewakan berbanding 53,531 unit pada 30 Jun 2012 iaitu dengan peningkatan sebanyak 80 unit (0.15%). Baki unit yang belum disewakan adalah sebanyak 3,733 unit (6.50%). Secara keseluruhan, di antara negeri yang mempunyai banyak kekosongan unit adalah negeri Johor 1,328 unit (35.60%), negeri Sabah 844 unit (22.61%) dan negeri Selangor sebanyak 561 unit (15.02%).

JADUAL19 :

STATUS PENGISIAN PPR DISEWA MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2012

NEGERI	BILANGAN (UNIT)	JUMLAH DIISI (UNIT)	BELUM DIISI (UNIT)
W.P. Kuala Lumpur	28,970	28,497	473
Sabah	11,531	10,687	844
Johor	7,108	5,780	1,328
Selangor	3,304	2,743	561
Kedah	1,894	1,844	50
Sarawak	1,516	1,130	386
Perlis	1,228	1,184	44
Pulau Pinang	698	682	16
Perak	675	656	19
Negeri Sembilan	420	408	12
JUMLAH	57,344	53,611	3,733

IV. STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI

Sehingga 30 September 2012, sebanyak 3,062 unit telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk dijual. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,721 unit (88.86%) telah dijual dan diserahkan kunci kepada pembeli, manakala baki sebanyak 84 unit (2.74%) adalah masih kosong dan 257 unit (8.40%) masih dalam proses pinjaman.

JADUAL 20 :

STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2012

BIL.	PROJEK PPR (M)	UNIT	BIL. UNIT DIJUAL	UNIT DALAM PROSES PINJAMAN	BIL. UNIT KOSONG
	PROJEK SIAP Daerah Rompin				
1	Muadzam Shah	150	147	1	2
2	Parit Raja	150	147	3	0
3	Leban Chondong	100	3	49	48
	Daerah Lipis				
4	Kerambit	100	89	11	0
5	Padang Tengku	100	98	2	0
	Daerah Maran				
6	Jengka	300	300	0	0
	Daerah Bera				
7	Bukit Mendi	150	144	6	0
	Daerah Raub				
8	Batu 17, Tersang	150	135	15	0
9	Tanjung Putus	100	97	3	0
	Daerah Temerloh				
10	Bolok Hilir	150	129	21	0
11	Pamah Kaseh	150	123	27	0
12	Paya Sok	100	12	54	34
	Daerah Pekan				
13	Tg. Agas	150	137	13	0
14	Paloh Hinai	150	150	0	0
15	Kuala Pahang	318	314	1	0
16	Kuala Pahang Fasa II	32	24	8	0
17	Tg. Selangor Fasa I	100	100	0	0
18	Tg. Selangor Fasa II	62	61	1	0
19	Tg .Batu	150	136	14	0
	Daerah Kuantan				
20	Kg. Hijrah	150	137	13	0
21	Kg. Baru Gambang	150	147	3	0
	PROJEK SIAP TANPA CFO Daerah Jerantut				
22	Ibol Tunggal	100	88	12	0
JUMLAH KESELURUHAN		3,062	2,721	257	84

PENGURUSAN SETINGGAN

Sehingga 30 September 2012, bilangan keluarga setinggan yang masih belum diselesaikan adalah sebanyak 73,084 keluarga. Berbanding dengan 30 Jun 2012, bilangan keluarga setinggan telah menurun sebanyak 3,853 keluarga (5.00%).

Negeri Sabah merupakan negeri yang mempunyai paling ramai setinggan iaitu 38,008 keluarga (52.00%). Ini diikuti oleh negeri Sarawak sebanyak 8,436 keluarga (11.54%), manakala negeri Melaka hanya mempunyai 9 keluarga setinggan (0.01%) dan merupakan negeri yang mempunyai bilangan keluarga setinggan yang paling rendah.

JADUAL 21 :

STATISTIK SETINGGAN SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2012

NEGERI	BIL. KELUARGA	BIL. AHLI KELUARGA	BIL. BANGUNAN
SABAH	38,008	142,187	25,328
SARAWAK	8,436	35,233	7,784
JOHOR	5,566	21,452	5,671
PULAU PINANG	3,347	18,625	2,781
W.P. KUALA LUMPUR	3,116	15,580	1,699
KEDAH	3,015	15,070	3,015
PERAK	2,595	10,380	2,595
SELANGOR	2,542	3,299	3,299
PERLIS	1,872	8,658	1,872
KELANTAN	1,439	5,828	1,400
PAHANG	1,133	4,411	934
W.P. LABUAN	970	5,521	970
TERENGGANU	690	2,238	621
NEGERI SEMBILAN	346	585	239
MELAKA	9	23	9
JUMLAH	73,084	289,090	58,217

PENGURUSAN BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA

Sehingga 31 Disember 2011, bilangan kawasan pemajuan iaitu tanah hak milik muktamad yang dicadangkan untuk pecah bahagi kepada unit dibina atau sedang dalam pembinaan adalah sebanyak 14,946.

Sejumlah 7,527 aduan telah diterima oleh unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi seluruh Semenanjung Malaysia bagi suku ketiga 2012. Daripada jumlah aduan yang diterima, aduan mengenai Isu Kewangan merupakan yang utama yang diterima iaitu sebanyak 4,375 aduan (58.12%), diikuti oleh aduan berkaitan Khidmat Nasihat yang mencatatkan jumlah aduan sebanyak 906 aduan (12.04%). Bilangan aduan mengenai Penguatkuasaan COB merupakan aduan yang terendah diterima iaitu 91 aduan (1.21%).

Negeri Selangor mencatatkan bilangan aduan tertinggi iaitu sebanyak 5,189 aduan (68.94%) dan diikuti oleh negeri Pulau Pinang sebanyak 766 aduan (10.17%) dan Wilayah Persekutuan sebanyak 592 aduan (7.86%).

JADUAL 22 :

STATISTIK ADUAN YANG DITERIMA OLEH COB DI PBT MENGIKUT NEGERI DAN JENIS BAGI SUKU KETIGA 2012

NEGERI	JENIS ADUAN								JUMLAH ADUAN
	Isu Kewangan	Khidmat Nasihat	Penyenggara an dan Kerosakan	Pentadbiran dan Pengurusan	Mesyuarat dan Pemilihan	Penguatkuas aan COB	Lain - Lain		
SELANGOR	4,116	400	248	162	69	53	141	5,189	
PULAU PINANG	93	192	146	207	111	5	12	766	
W. PERSEKUTUAN	65	29	66	67	202	20	143	592	
JOHOR	38	157	70	41	113	5	7	431	
MELAKA	13	42	68	11	6	3	89	232	
NEGERI SEMBILAN	17	30	41	40	9	0	3	140	
PAHANG	27	25	13	15	20	4	0	104	
PERAK	5	12	9	5	0	0	7	38	
TERENGGANU	0	6	1	2	7	0	0	16	
KEDAH	1	11	0	0	2	1	0	15	
KELANTAN	0	2	1	0	1	0	0	4	
PERLIS	0	0	0	0	0	0	0	0	
JUMLAH	4,375	906	663	550	540	91	402	7,527	

PENGURUSAN ADUAN OLEH JPN

Sehingga 30 September 2012, sebanyak 772 aduan berkaitan perumahan telah diterima oleh JPN dari pelbagai sumber. Sebanyak 736 aduan (95.34%) telah diselesaikan dan bakinya masih dalam tindakan. Kebanyakan aduan yang masih dalam tindakan adalah aduan dalam kategori teknikal dan rumit untuk diselesaikan.

Saluran aduan yang paling banyak digunakan oleh pengadu adalah melalui laman web iaitu sebanyak 399 aduan (51.68%). Ini diikuti melalui borang di kaunter aduan Jabatan sebanyak 190 aduan (24.61%).

JADUAL 23 :

**BILANGAN ADUAN DITERIMA DAN DISELESAIKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA
BAGI SUKU KETIGA 2012**

TERIMA	SELESAI	DALAM TINDAKAN
772	736	36

GRAF 4 :

SUMBER ADUAN DARI JANUARI HINGGA 30 SEPTEMBER 2012

